

MAHATHIR

1982

KUALA LUMPUR, 15 MEI (BERNAMA)--PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN PARA BELIA MALAYSIA BAHAWA DALAM MEREKA BERUSAHA MENCAPAI MATALAMAT PERJUANGAN, MEREKA TIDAK TERKECUALI DARIPADA TERIKAT DENGAN PERATURAN - PERATURAN YANG ADA DALAM SISTEM PEMERINTAHAN BERASASKAN PROSES UNDANG-UNDANG.

PARA BELIA, SEPERTI JUGA LAIN-LAIN PIHAK, MESTI MENGHORMATI DAN BERPEGANG KEPADA PERATURAN-PERATURAN YANG DIBUT WALAUPUN MEREKA TIDAK TERLIBAT DALAM PROSES MENGGUBALNYA, TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAHAWA TIDA SESIAPAPUN YANG AKAN BERJAYA SECARA BERKEKALAN KALAU MENGGUNAKAN UGUTAN ATAU KEKERASAN.

+UGUTAN DAN KEKERASAN AKAN HANYA MEMBUAHKAN UGUTAN DAN KEKERASAN JUGA YANG AKAN SILIH BERGANTI DAN BERLARUTAN + TEGAS PERDANA MENTERI MERASMIKAN PERHIMPUNAN HARI BELIAU NEGARA DI STADIUM NEGARA DI SINI YANG DI SERTAI OLEH 10,000 ORANG.

KATA BELIAU PEMERINTAHAN YANG BERASASKAN KEPADA UGUTAN DAN KEKERASAN TIDAK AKAN CAPAT MENTADBIR KECUALI DENGAN CENGKAMAN KUKU BESI. AKIBATNYA IA JUGA MEMBAWA KEPADA TENTANGAN, UGUTAN DAN KEKERASAN. --BERSAMBUNG 1110/OM

B518:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENINGATKAN PARA BELIA DEMIKIAN KERANA KHUATIR KALAU-KALAU JENERASI MUDA LUPA PADA SEJARAH SERTA HILANG PERTIMBANGAN DAN PANDUAN.

KATANYA, SESUATU JENERASI YANG LUPA PADA SEJARAH MUNGKIN AKAN BERTINDAK BERPANDUKAN DESAKAN DAN EMOSI YANG AKIBATNYA AKAN MERUGIKAN NEGARA.

150
PERDANA MENTERI BERKATA SEJARAH MENUNJUKKAN BAHAWA KAUKM BELIA
DAPAT MENGUBAH SESUATU MASYARAKAT DAN MASA DEPAN SESEBUAH NEGARA.

BELIAU BERKATA SAMA ADA KEBAIKAN AKAN MENYUSUL ATAU TIDAK
DARIPADA PERUBAHAN ITU BUKAN BERGANTUNG SEMATQ-MATA KEPADA NIAT
TETAPI JUGA KEPADA CARA PERUBAHAN ITU DIUSAHAKAN.

DALAM HUBUNGAN INI, PERDANA MENTERI MENKANKAN PERLUNYA
WUJUD DISIPLIN DIKALANGAN BELIA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA ANGGOTA
MASUARAKAT KERANA TANPA MASYARAKAT YANG BERDISIPLIN ATAU MENGHORMATI
DISIPLIN, PEMERINTAHAN YANG BERKESAN SERTA BERFAEDAH TIDAK AKAN
WUJUD. --BERNAMA 1137/OM

B519:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA B518)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN TIDAK ADA PEMERINTAHAN YANG BOLEH
MENGURANGKAN JENAYAH, RUSUHAN, KEROSAKAN AKHLAK ATAU MENGATASI
LAIN-LAIN KEBURUKAN JIKA MASYARAKATNYA SENDIRI TIDAK MENYERTAI
DAN MERESTUI TINDAKAN PEMERINTAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN MUNGKIN ADA PIHAK-PIHAK
YANG TIDAK SUKA MELIHAT RAKYAT NEGARA INI KHUSUSNYA PARA BELIA
BERDISIPLIN ATAS ALASAN KONONNYA ORANG YANG BERDISIPLIN IALAH
ROBOT TANPA AKAL FIKIRAN.

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN KUMPULAN-KUMPULAN ANTI-DISIPLIN
INI SEBAGAI GOLONGAN YANG TIDAK SUKA MELIHAT NEGARA INI BERJAYA
DAN MENYAINGI MEREKA.

BELIAU TIDAK MAHU RAKYAT NEGARA INI MENGIKUT DAKYAH ORANG ASING
INI DAN MENJADI 'ALAT KEPADA PENJAJAH FIKIRAN'.

DALAM AMANATNYA HARI INI PERDANA MENTERI JUGA INGIN MELIHAT
PARA BELIA MENGIKIS SIKAP TERLALU MEMILIH KERJA DAN SUPAYA MEREKA
MENGANUTI FALSAFAH HIDUP YANG TIDAK MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN
DIRI SEMATA-MATA. --BERSAMBUNG 1152/OM

MAHATHIR 4 KUALALUMPUR

PERDANA MENTERI PERCAYA JIKA PARA BELIA TIDAK MEMILIH KERJA,
JENIS DAN TEMPAT BEKERJA, TIDAK SEORANGPUN AKAN MENGANGGUR DI
NEGARA INI.

SIKAP SEDEMIKIAN HANYA MENJEJASKAN PEMBANGUNAN MALAYSIA DAN
MENGANCAM MARUHNYA, KATA BELIAU.

PARA BELIA, KATANYA PERLU JUGA MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN NEGARA
KERANA SIKAP SEDEMIKIAN AKHIRNYA AKAN MEMBAWA KABAikan YANG
LEBIH KEKAL KEPADA DIRI MEREKA.

PARA BELIA PERLU INGAT BAHAWA MEREKA SENDIRI YANG AKAN MEWARISI
NEGARA YANG BERMARUAH DAN SEBALIKNYA MEREKA YANG MENGUTAMAKAN
KEPENTINGAN DIRI AKAN CUMA MERASA NIKMAT YANG SEDIKIT DAN SEKEJAP.

SAMBIL MENGUCAP TAHNIAH ATAS PERJANJIAN USAHASAMA EKONOMI
ANTARA KOPERASI-KOPERASI BELIA MALAYSIA DAN INDONESIA, (KOBENA-
KOPINDO) PERDANA MENTERI BERHARAP KERJASAMA SEPERTI ITU DAPAT JUGA
DIJALINKAN DENGAN LAIN-LAIN NEGARA ASEAN.

DI PERHIMPUNAN HARI INI JUGA PERDANA MENTERI MELANCARKAN YAYASAN
BELIA DAN MENERIMA SUMBANGAN SERBAGAI JUMLAH TERMASUK MASING-
MASING \$10,000 DARI KERAJAAN PERAK, PULAU PINANG, PAHANG, MAJLIS
BELIA MALAYSIA, KOBENA DAN SABERKAS.

KERAJAAN PERSEKUTUAN MENYAMBANG \$30,000 KEPADA YAYASAN ITU.
--BERNAMA 1210/OM